

Struktur Dramatik *Buang* Karya Roziah Adama

The Dramatic Structure of Buang by Roziah Adama

Shafizah Binti Mohd Fauzi

¹Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah

Program Persuratan Melayu

Pusat Kelestarian Warisan Dan Kebitaraan Melayu

Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: A160867@siswa.ukm.edu.my

¹nurafifah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Drama Buang oleh Roziah Adama telah dinobatkan sebagai pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia Dewan Sastera, pada 2015. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan meneliti kekuatan struktur dramatik Buang. Bagi menjawab persoalan ini lima daripada enam elemen Aristotle iaitu, tema, plot, watak, bahasa dan kekaguman diaplikasi bagi meneliti skrip Buang. Data artikel ini diperolehi daripada kaji jenis fundamental dengan reka bentuk kajian kualitatif. Dapatkan kajian ini ialah antara kekuatan drama Buang adalah pemaparan dua watak yang memainkan peranan penting bagi menghidupkan jalan cerita. Buang jelas mengangkat tema masalah sosial, iaitu isu masyarakat terpinggir dalam bandar, manakala plot drama ini berbentuk linear kerana jalan ceritanya berdasarkan urutan masa. Dari segi watak pula, drama ini hanya menampilkan watak protagonis dan antagonis pada permulaan cerita sehingga ke penamat cerita. Drama Buang juga telah menggunakan bahasa mengikut peredaran zaman kini iaitu gaya bahasa yang terdiri daripada sinkof, perlambangan, simpulan bahasa serta bahasa kasar. Dalam elemen kekaguman pula terdapat set dan prop, kostum, kesan khas dan pencahayaan. Format penulisan drama ini dapat dijadikan garis panduan bagi penulisan drama yang berstandard tinggi.

Kata kunci: *Buang, drama Melayu, kritikan drama, Roziah Adama, teori enam elemen Aristotle*

ABSTRACT

“Buang” by Roziah Adama won the National Literature award organised by Dewan Bahasa dan Pustaka in 2015. Thus, this article intends to study the strength of the dramatic structure of this script. To answer the research question five out of six dramatic elements of Aristotle namely, theme, plot, characters, languages and spectacle were applied. Data for the research were collected based on a fundamental research type with qualitative method. The findings of this study proofs that among the strength of Buang is the portrayal of its two characters in bringing the storyline to life. Buang is a drama that focuses on social issues among marginalized communities in Malaysia. This script has a linear plot and presents events in a chronological order. Buang revolves around two characters-the protagonist and the antagonist- throughout the entire script. The speech in this script are comprised of abbreviation of words, symbolisms, idioms and also harsh languages. The spectacle elements

of this script are in the form of props, costumes, special effects and lights. This script can be made as a guideline for high standard script.

Keywords: *Buang, Malay drama, Criticism drama, Roziah Adama, The six elements of Aristotle.*

1. Pengenalan

Drama berkisarkan kepelbagaiannya cebisan kehidupan manusia sama ada pada masa lampau, masa sekarang atau masa hadapan. Pengarang yang menghasilkan sesebuah drama kebiasaannya mempunyai mesej yang tersendiri untuk dipaparkan kepada pembaca sama ada secara tersurat mahupun tersirat (Endraswara, 2003). Menurut Said Halim Said Nong (1988), drama adalah karya sastera yang disusun untuk melukiskan kehidupan dan aktiviti dengan menggunakan pelbagai tindakan, dialog dan permainan watak. Drama penuh dengan permainan lakonan dan watak yang mampu memukau penonton dan pembaca. Oleh yang demikian, drama sangat memperingkatkan kreativiti serta unsur seni supaya dapat menarik perhatian penonton dan pembaca.

Drama merupakan karya kreatif yang unik kerana mengandungi dua aspek iaitu aspek sastera dan aspek teater. Merujuk kepada aspek sastera ia mengandungi cerita dan unsur-unsur karya kreatif seperti pemikiran, plot, watak, bahasa, dan latar, manakala aspek teater pula drama dilihat sebagai hasil pementasan. Dengan kata lain, skrip drama yang telah ditulis akan dipersembahkan di atas pentas. Drama boleh dikaji menerusi teks, produksi, persembahan, estetika dan pelbagai aspek kehalusan seninya. Drama juga akan disalurkan dalam pelbagai bentuk iaitu bermula dengan lakonan pentas sebelum ia disebarluaskan kepada media lain seperti filem, radio dan televisyen. Antara bentuk-bentuk drama ialah seperti drama pentas, drama radio dan drama televisyen (Solehah Ishak, 1990). Namun dalam kajian ini, pengkaji lebih memfokuskan kepada drama pentas karya Roziah Adama iaitu drama *Buang*.

Roziah Adama merupakan penulis asal skrip drama *Buang*. Roziah Adama merupakan seorang pensyarah, penulis dokumentari, novel, cerpen dan juga skrip. Roziah Adama juga telah menghasilkan pelbagai karya seperti novel, cerpen, artikel, dokumentari penyelidikan, skrip drama pentas dan masakan. Antara hasil penulisan skrip drama pentas yang telah dihasilkan oleh Roziah Adama ialah *Lima Bersaudara* (2008), *Arah* (2009), *Sebelum Subuh* (2011), *Preh* (2012), *Sepak* (2012), *Iqra* (2012), *Nyanyian Maut* (2013) dan *Buang* (2015). Karya drama pentas yang dihasilkan oleh beliau juga telah memenangi beberapa anugerah seperti *Bulan Belum Kelam* (2013) dan *Buang* (2015). Oleh itu, pengkaji telah memilih salah satu karya beliau untuk membuat kajian iaitu drama *Buang*.

Sehubungan dengan ini, kajian yang telah dilanjutkan ini adalah berdasarkan skrip drama pentas hasil karya Roziah Adama. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kelebihan hasil pengkaryaan beliau. Kajian ini juga telah mengaplikasikan enam elemen Aristotle. Dalam konteks ini, teori enam elemen Aristotle diaplikasikan kerana prinsipnya berkait rapat antara skrip drama *Buang* dengan aspek struktur elemen yang diperkenalkan oleh Aristotle. Skrip drama *Buang* yang dihasilkan oleh Roziah Adama telah membangkitkan isu masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat iaitu masalah pembuangan bayi. Terdapat pelbagai aspek yang telah diaplikasikan melalui prinsip tersebut di dalam skrip drama *Buang* seperti tema, plot, watak, kekaguman dan bahasa.

2. Kajian Lepas

Penelitian lepas tentang drama *Buang* begitu terhad. Namun begitu, kajian lepas yang mengaplikasikan teori enam elemen Aristotle bagi meneliti skrip drama Melayu begitu memberangsangkan. Terdapat sebanyak lapan kajian lepas merangkumi satu bentuk perbincangan yang lebih besar dan mirip dengan tajuk yang dikaji. Oleh itu, kajian lepas ini telah disusun berdasarkan kemiripan kajian-kajian lepas dengan kajian yang akan dijalankan seperti kajian kajian berkenaan drama yang mengaplikasikan teori enam elemen Aristotle.

Fazilah Husin (2007) dalam kajiannya *Teater Eksperimental Melayu: Satu Kajian Bentuk dan Struktur Teks Dramatik* dan telah dilakukan pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah Drama dan Teater di Universiti Sains Malaysia. Kajian ini telah mengenal pasti ciri-ciri komponen yang membentuk teks-teks dramatik dan pola penstrukturannya. Sebanyak 44 buah teks yang dikategorikan sebagai drama dalam aliran eksperimental telah diterbitkan untuk bacaan umum serta dipilih sebagai sumber data. Kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan dan mengkategorikan data ialah menganalisis kandungan, data-data itu kemudiannya dianalisis dengan menggunakan pendekatan struktural. Hasil kajian mendapati teks-teks dramatik teater eksperimental Melayu yang dihasilkan dalam dua dekad ini telah menggunakan pelbagai gaya dan pendekatan dalam menyusun serta mengolah aspek dramatik dan naratif. Gaya dan pendekatan yang dapat dikenal pasti ialah terdapat elemen seni persembahan Melayu, gabungan bentuk dan gaya bahasa moden serta tradisional, dan pengaruh aliran teater eksperimental.

Nor Raihanah Husain (2007), dalam kajiannya *Analisa Skrip Terhadap Cerita Wayang Kulit Kelantan Kajian Skrip 'Jintan Mas'* yang dilakukan di peringkat Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Drama dan Teater) di Universiti Sarawak Malaysia. Beliau telah mengkaji skrip 'Jintan Mas' untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai cerita wayang kulit yang dianggap popular di Kelantan pada suatu masa dahulu. Kekuatan kajian ini adalah berfokuskan kepada pengkajian elemen-elemen penceritaan dalam cerita terutamanya pembinaan plot. Dalam cerita wayang kulit, jalan cerita akan bermula dengan kata-kata aluan daripada tok dalang dengan menceritakan kisah yang akan dipersembahkan dengan nyanyian atau kata-kata berlagu dalam memperkenalkan watak-wataknya. Oleh itu, persamaan dalam kajian ini telah menggunakan prinsip 'The Poetics' bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas dalam mengkaji skrip. Perbezaan dalam kajian ini pula ialah dari segi skrip iaitu skrip dalam cerita wayang kulit dan skrip drama.

Madzlan Abet (2016) dalam latihan ilmiah peringkat Ijazah Sarjana Seni Persembahan (Drama) dengan kajiannya '*Pemikiran Hatta Azad Khan Dalam Teks Drama Muzikal Kampung Baru*'. Dalam kajiannya telah membincangkan mengenai pemikiran, persoalan-persoalan dari aspek politik, ekonomi serta mengenal pasti nilai-nilai murni yang terdapat di dalam teks drama *Muzikal Kampung Baru*. Pengkaji juga akan melihat empat elemen penting dalam penghasilan sesebuah drama iaitu tema, plot, watak dan bahasa. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menggunakan teori Marxisme sebagai hubungkait empat elemen drama tersebut. Metodologi yang telah digunakan ialah berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah penggumpulan data, kajian lapangan dan juga temuramah. Hasil kajian mendapati bahawa teks drama *Muzikal Kampung Baru* merupakan refleksi kepada kisah sebenar yang berlaku di Kampung Bharu, Kuala Lumpur di mana penghasilan karya kreatif itu mempunyai hubung kait dengan penulis. Oleh itu, penggunaan Teori Marxisme ini dirasakan relevan kerana teori ini secara jelas menunjukkan dalam Model Pencerminan, penghasilan sesebuah karya melalui proses kreatif ianya diambil atau ditiru

daripada kehidupan sebenar. Dengan penggunaan teori ini akan dapat menjelaskan pemikiran Hatta Azad Khan.

Ahmad Zaidi Baharuddin (2010) dalam latihan ilmiah peringkat Ijazah Sarjana Pendidikan (Kesusteraan Melayu), Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan tajuk tesisnya '*Persoalan dan pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama Patung-Patung dari perspektif teori Persuratan Baharu*' menyifatkan pengolahan bahasa yang terdapat di dalam drama *Patung-patung* dan *Mayat* dapat menggambarkan keperibadian Hatta Azad Khan dalam menghasilkan karya yang baik. Pengolahan gaya bahasa Hatta yang ringkas dan bersignifikan mampu menggarap sebuah drama yang menekankan nilai moral yang tinggi. Selain daripada itu Hatta juga menerapkan nilai-nilai dakwah Islam secara tiak langsung dalam karya tersebut. Pengkaji ini juga merungkai bagaimana teori Persuratan Baharu dapat menjelaskan pemikiran Hatta dari konteks penggunaan bahasa.

Mohd Ramli Rahman (1992), dalam latihan ilmiah peringkat Ijazah Sarjana (Master of Art) Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya dengan tajuk tesisnya *Absurdisme dalam drama Melayu: Analisis Karya-karya Empat Penulis Kontemporari*. Kajian ini melihat dari aspek watak perwatakan, tema dan juga bahasa. Penganalisaan ini dilihat melalui cara pengolahan Hatta Azad Khan dalam menghasilkan drama *Mayat* tersebut. Ianya juga melihat mesej yang cuba disampaikan oleh Hatta Azad Khan kepada penonton secara simbolik. Penggunaan watak perwatakan secara simbolik menjadikan drama tersebut diolah dalam bentuk tidak masuk akal. Walau bagaimanapun kajian ini tidak menyentuh aspek watak dan perwatakan secara lebih mendalam. Pengkaji ini lebih menjurus kepada memberi resepsi terhadap watak-watak yang terdapat di dalam naskhah *Mayat* itu. Malahan kajian ini lebih memfokuskan kepada pengolahan gaya bahasa yang terdapat di dalam naskhah *Mayat*.

Hasniza Abdul Halim (2007) menerangkan tentang Pengaplikasian Teknologi Multimedia Dalam Teater "Bukan Bunuh Diri". Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk mengetengahkan pengaplikasian multimedia dalam teater amatur yang jarang diaplikasikan dalam sesebuah pementasan teater. Pengaplikasian multimedia tersebut adalah melalui unsur kekaguman. Unsur kekaguman merupakan salah satu cara yang efektif kepada pengarah dalam membantu menjelaskan mesej dan plot cerita kepada penonton. Pengkaji akan menggunakan aplikasi *Adobe Premier Pro* dan juga *Ulead Video Studio 6* bagi menghasilkan teknik multimedia ini. Ia merupakan teknologi terbaru dalam senireka artistik yang cuba diketengahkan dalam sesebuah pementasan teater. Dalam drama "Bukan Bunuh Diri" konsep simbolisme akan diperkenalkan oleh pengarah. Oleh yang demikian, pengaplikasian multimedia akan digunakan bagi menggambarkan konsep simbolisme ini kepada penonton. Unsur perlambangan ini akan menjelaskan lagi kepada penonton akan sesebuah plot dan perwatakan pelakonnya.

Abdul Rahman Hanapiyah (1987) menerangkan tentang penelitian dalam *Drama Moden Malaysia Perkembangan dan Perubahan*. Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk meneliti aspek sejarah pertumbuhan drama Malaysia di samping untuk meninjau perkembangan dan kemajuan dalam drama dunia. Selain itu, ia juga mengkaji aspek persoalan dan pemikiran yang terkandung dalam drama moden Malaysia yang tercetak. Di samping itu, kajian ini telah menganalisis dan menilai aspek strukturnya dengan membuat tanggapan mengenai drama. Pengkaji juga telah menjurus kepada lima aspek utama iaitu aspek plot, tema, watak, bahasa dan kekaguman yang berlandaskan teori enam elemen Aristotle. Kajian ini berorientasikan kajian perpustakaan yang berteraskan kualitatif untuk mengesahkan bahawa drama itu berasal dari Negara terawal yang memiliki dasar drama ini.

Mohd Shaiful Izham (2007) telah mengkaji mengenai *Perwatakan Melalui Ekspresi Gerak: Sebuah Tari Eksperimental ‘Saleh Salina’ Sebagai Kajian Kes*. Kajian ini meninjau sejauh mana keberkesanan gerak dalam melambangkan perwatakan seorang mak nyah dalam sebuah pementasan tari eksperimental bertajuk ‘Salleh Salina’. Karya ini juga menguji kemampuan seorang koreografer dalam menggambarkan serta membentuk satu struktur gerak tari yang memperkenan dinamisme emosi dan ekspresi, termasuk elemen psikologi dan semiotik di dalam watak utama serta korus. Dalam melatih penari-penari menguasai watak dan emosi untuk digambarkan dalam bentuk pergerakan, kaedah ‘The Method’ oleh Stanislavsky serta latihan ‘Rasaboxes Exercise’ digunakan. Elemen-elemen teater lain seperti audio, kostum, pencahayaan, set dan ekspresi wajah turut diterokai di dalam menyampaikan mesej kepada penonton.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana yang dinyatakan banyak memberi sumbangan dalam kajian yang bakal dijalankan. Dapatan daripada penerapan teori enam elemen menjadi dorongan dalam penghasilan kajian drama *Buang* dengan menganalisis teori enam elemen Aristotle.

3. Metodologi Kajian

Pelaksanaan kajian terhadap drama *Buang* adalah data diperolehi daripada kajian jenis fundamental. Kajian jenis fundamental adalah berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif. Instrumen data diperolehi dengan menggunakan kaedah analisis kandungan melalui kajian perpustakaan. Pengkaji telah mengkaji skrip drama yang diperolehi daripada kajian perpustakaan. Sehubungan dengan itu, penelitian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan sepenuhnya. Melalui kajian perpustakaan ini, terdapat dua jenis bahan iaitu bahan bercetak dan bahan digital yang diperolehi secara muat turun. Antara contoh bahan bercetak ialah seperti tesis, jurnal, majalah, buku, kertas kerja dan surat khabar, manakala bahan digital pula terdiri daripada e-jurnal, tesis dan artikel. Kajian perpustakaan ini terdiri daripada mencari, memilih dan membaca bahan-bahan yang berkaitan dengan topik kajian khususnya bahan-bahan berkaitan teori enam elemen seperti sejarah teori, prinsip-prinsip yang terkandung di dalam teori serta karya-karya yang pernah dijadikan sebagai kajian dalam teori enam elemen, penulisan kajian lepas, asal usul drama, sejarah drama, latar belakang penulis

Melalui metodologi perpustakaan, pengumpulan data sudah memadai dengan hanya dilakukan di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Perpustakaan Perbadanan Awam Johor. Kajian ini juga mendorong pengkaji untuk membuat penelitian dan pemerhatian melalui proses pembacaan dan seterusnya membuat interpretasi berdasarkan teori yang diaplikasikan pada setiap bahan bagi memastikan kajian yang dijalankan akan memperoleh dapatan yang tepat seterusnya berjaya memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu kesusastraan tanah air.

Di samping itu, pengkaji telah menggunakan kaedah menemu bual penulis dengan menggunakan kiriman emel. Hal ini kerana, penulis kini menetap di Beijing kerana berkhidmat sebagai tenaga pengajar di Beijing Foreign Student University. Oleh itu, kaedah yang paling mudah untuk ditemu bual penulis yang telah berada jauh dari Malaysia ialah melalui kiriman emel.

4. Dapatan

4.1 Tema

Tema merupakan subjek yang menjadi dasar sesuatu pembicaraan. Melalui penulisan skrip yang baik, tema yang ingin disampaikan akan menjadi lebih mudah untuk difahami oleh para pembaca skrip. Menurut Aristotle (1973), tema merupakan salah satu elemen penting yang telah ditekankan di dalam sesebuah skrip drama. Tema bermaksud pemikiran, persoalan atau mesej sesebuah karya. Kebiasaan setiap cerita yang dibuat itu adalah berdasarkan tematema yang tertentu. Seluruh perlakuan di dalam cerita itu juga akan didasari oleh tema tersebut.

4.1.1 Tema Pengorbanan

Melalui skrip drama *Buang*, dapat diteliti bahawa pengarang telah mengemukakan tema pengorbanan yang ditonjolkan dalam diri Sabar. Pengorbanan adalah satu tindakan atau kerelaan seseorang terhadap tindakannya iaitu dalam bentuk pertolongan. Berikut merupakan contoh petikan yang dapat dilihat berdasarkan skrip di bawah:

SABAR (agak marah): *Tak, kalau takut saya dah lari! Saya nak selamatkan ayah. Bos kata hutang ayah hanya layak dibayar dengan darah. Saya hanya ada satu malam untuk langsaikan semua ini. Kalau berjaya saya juga diberi wang. Saya tak akan balik dengan tangan kosong.*

(Roziah Adama, 2015: 73)

Berdasarkan petikan skrip di atas, jelas menggambarkan diri Sabar sebagai seorang anak yang sanggup berkorban demi ayahnya, malah sehingga melibatkan soal nyawa. Oleh itu, Sabar sanggup mempertaruhkan nyawa dengan hanya diberi satu malam untuk melangsaikan segala hutang ayahnya. Lebih-lebih lagi, pengorbanan seorang anak terhadap ibu bapanya. Tidak dapat dinafikan, pengorbanan ini kebiasaanannya lebih banyak dilakukan oleh ibu bapa berbanding anak-anak mereka sendiri. Oleh itu, pengorbanan ini merupakan satu perbuatan yang sangat mulia, kerana dapat membantu menyelesaikan hidup atau masalah seseorang untuk menjadi lebih baik.

4.1.2 Tema Perikemanusiaan

Melalui skrip drama *Buang*, dapat diteliti bahawa pengarang telah mengemukakan tema perikemanusiaan yang ditonjolkan di dalam diri Buang yang pada asalnya seorang yang bengis. Berikut merupakan contoh petikan yang dapat dilihat berdasarkan skrip di bawah:

(BUANG menumbuk lagi menyebabkan SABAR terkulai. BUANG mengambil wang dan memasukkan ke dalam poket seluar SABAR. Dia menolak SABAR keluar tetapi SABAR masuk semula, BUANG menahan lagi dan menolak keluar dengan kuat).

(Tiba-tiba hujan. BUANG mengesat muka dan lengan, memandang beg seketika).

BUANG (menjerit): *Argh... aku tak nampak apa-apa dan tak tahu apa-apa!*

(BUANG keluar. Guruh berdentum. Suasana semakin suram, kedengaran tangisan bayi).

(Seketika kemudian, BUANG kembali berlari ke arah beg. Dia memerhati beg kemudian memandang ke langit. BUANG cepat-

cepat melindungi beg dengan kedua-dua tangan, kemudian menanggalkan baju untuk melindungi beg)

(Roziah Adama, 2015: 66)

Berdasarkan petikan skrip di atas, perwatakan Buang menggambarkan dirinya sebagai seorang yang panas baran, kuat marah dan kaki pukul kerana Buang telah menumbuk Sabar sehingga Sabar terkulai. Namun demikian, sekeras-keras hati Buang akhirnya timbul rasa perikemanusiaan di dalam diri Buang yang telah sanggup berlari ke arah beg itu demi melindungi beg dengan kedua-dua tangannya dan kemudian menanggalkan baju bagi melindungi beg tersebut. Ini merupakan satu pengorbanan yang berjaya dilakukan oleh seorang lelaki yang pada asalnya tidak menghiraukan langsung soal nyawa atau tidak. Namun, akhirnya Buang telah dapat berfikir secara baik dan waras untuk menyelamatkan bayi tersebut. Oleh itu, sejahter atau seteruk mana diri seseorang manusia itu sebenarnya mereka masih berpeluang untuk memperbaiki diri mereka sebelum semuanya terlambat.

4.1.3 Tema Kekejaman

Melalui skrip drama *Buang*, dapat diteliti bahawa pengarang telah mengemukakan tema kekejaman manusia yang ditonjolkan di dalam diri Buang. Kekejaman ini merujuk kepada perbuatan yang tidak menunjukkan belas kasihan, bengis serta bertindak kejam terhadap golongan yang lemah. Berikut merupakan contoh petikan yang dapat dilihat dalam skrip berikutnya:

(BUANG menarik baju SABAR menyebabkan SABAR terbaring di atas tanah. Bunyi hujan rintik turun. SABAR mengesat wajah).

BUANG: Aku pantang, orang persoalkan arahan dan kerja aku! Kau tengok muka aku puas-puas sebelum mayat kau juga aku buang!

(Roziah Adama, 2015: 63)

Berdasarkan petikan skrip di atas, jelas menggambarkan diri Buang sebagai seorang kejam kerana Buang sanggup bertindak kasar terhadap Sabar, malah mengugut untuk membunuh Sabar. Lebih-lebih lagi, sikap Buang yang begitu bengis, tiada perasaan malah sering bertindak kejam terhadap Sabar. Faktor kekejaman manusia ini kebiasaannya terjadi disebabkan oleh faktor persekitan kerana manusia memiliki sifat semula jadi yang tamak dan tidak pernah berpuas hati terhadap apa yang dimiliki. Oleh itu, sebagai manusia perlu kembali kepada nilai moral bagi mendidik hati dan jiwa dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mengutamakan kasih sayang.

4.2 Plot

Plot terbahagi kepada dua iaitu plot kronologi dan bukan kronologi. Menurut Aristotle (1973), plot kronologi bermaksud plot yang disusun secara berturutan dalam sesebuah cerita. Plot ini bermula dengan memaparkan permulaan cerita. Kemudian, pada tahap perkembangan plot mula dikembangkan dengan memaparkan pelbagai peristiwa hingga menuju ke puncak cerita. Seterusnya, plot akan menuju kepada peleraian. Selain itu, plot bukan kronologi pula bermaksud peristiwa yang dipaparkan dalam cerita disusun secara tidak berturutan. Kebiasaannya, plot ini akan dimulakan dengan permulaan tetapi perkembangan peristiwa dalam cerita disusun secara melompat hingga ke puncak cerita dan kemudian berakhir kepada peleraian cerita.

Berdasarkan skrip drama *Buang*, jelas memperlihatkan kepada plot jenis kronologi. Skrip drama *Buang* telah memaparkan plot secara tersusun dan berturutan. Plot dalam drama

Buang ini dimulakan dengan pertemuan Buang dan Sabar buat pertama kali. Kemudian, Sabar memperkenalkan dirinya kepada Buang. Seterusnya, pada tahap perkembangan terdapat pelbagai peristiwa yang berlaku iaitu Buang telah menjelaskan tugas-tugas dan peraturan di Dalam Operasi Gelap, Buang dan Sabar telah berkongsi kisah silam mereka, Sabar telah menerima wang upah daripada Buang. Kemudian, Sabar perlu menjalankan tugasnya untuk membuang beg yang ditemui ke dalam sungai. Selanjutnya, Sabar dan Buang mendapati bahawa kandungan di dalam beg tersebut adalah bayi, Akhir sekali, Sabar ingin menyelamatkan bayi tersebut. Kemuncak di dalam cerita ini ialah Buang ingin membuang bayi tersebut. Sebagai kesimpulan, pengakhiran dan peleraian dalam drama ini ialah Buang akhirnya telah menyelamatkan bayi tersebut.

Drama ini bermula dengan pengarang, Roziah Adama telah memberi gambaran suasana malam di pinggir hutan yang berhampiran dengan anak sungai. Suasana di tepi hutan itu ditemani cahaya bulan yang suram. Terdapat bunyi sungai mengalir yang sentiasa kedengaran. Sekali sekala bunyi guruh berdentum dan kilat memancar. Seterusnya, di bahagian sebelah kiri terdapat longgokan sampah, payung yang terbuka tetapi koyak sebahagiannya dan kemudian terdapat sebuah kotak yang agak besar dan terdapat juga sebuah tong dram plastik yang besarnya separas pinggang. Di sebelah kanan pula terdapat semak samun dan sebatang pokok kering. Kelihatan pula Buang yang sedang duduk, manakala masuk pula kelibat Sabar dengan wajahnya yang ketakutan serta bimbang sambil mencari-mencari sesuatu. Babak pertama dimulai dengan watak Buang yang pertama kali berjumpa dengan Sabar. Buang telah menegur Sabar kerana wajahnya kelihatan takut dan bimbang. Buang juga telah menegaskan kepada Sabar bahawa dia tidak perlu berasa takut kerana Dalam Operasi Gelap (D.O.G) siapa yang takut gelap belum layak dipanggil sebagai ahli dan bakal dihukum kerana gagal mengatasi ketakutan dalam gelap. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

(Malam) (Di pinggir hutan berhampiran anak sungai). (Pentas dibuka dengan suasana di tepi hutan, cahaya bulan suram menyinari kawasan hutan. Bunyi sungai mengalir sentiasa kedengaran. Sekali sekala guruh berdentum dan kilat memancar. Di sebelah kiri terdapat longgokan sampah, payung yang terbuka tapi koyak sebahagiannya, sebuah kotak agak besar dan sebuah tong dram plastik separas pinggang. Dahan dan kayu kering bertaburan di sana sini. Di sebelah kanan terdapat semak samun dan sebatang pokok kering. Di balik pokok, BUANG duduk. Masuk SABAR dengan wajah ketakutan dan bimbang. Dia seperti mencari-cari sesuatu).

BUANG (suara tinggi): *Kau cari apa?*

SABAR (terkejut): *Allahu Akbar, siapa?*

BUANG (bangun): *Kita tak diajar takut kepada gelap. Kita Dalam Operasi Gelap (D.O.G)* (mengeja satu per satu). *Siapa takut gelap belum layak dipanggil ahli dan bakal dihukum kerana gagal mengatasi ketakutan dalam gelap.*

(Roziah Adama, 2015: 71-72)

Permulaan babak ini diteruskan lagi dengan watak Sabar yang telah memperkenalkan dirinya kepada Buang. Lebih-lebih lagi, ini merupakan pertemuan pertama mereka berdua kerana Sabar merupakan ahli baru baru dalam kumpulan tersebut. Pada mulanya, Sabar telah memperkenalkan nama penuhnya tetapi telah dimarah oleh Buang. Sebenarnya, Dalam

Operasi Gelap (D.O.G) ahli perlu memperkenalkan diri dengan menggunakan nombor kod yang telah diberikan. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

BUANG: Kau siapa?

SABAR: Sabar Abdullah

BUANG: Kau siapa?

(SABAR kebingungan tetapi cuba mengingati sesuatu).

BUANG (menjerkah): Kau siapa, hah?

SABAR: Sabar bin Abdullah!

BUANG: Ahli kumpulam ni tak perlukan nama.

SABAR: Oooh (teringat sesuatu) saya 0300.

(Roziah Adama, 2015: 72)

Babak kedua pula, memaparkan watak Buang menjelaskan mengenai isi kandungan dalam perjanjian Dalam Operasi Gelap (D.O.G). Menurut Buang, Dalam Operasi Gelap (D.O.G) masih belum ada sesiapa yang dapat keluar dengan selamat. Buang juga telah bertanya kepada Sabar adakah dia telah menandatangani dan membaca isi kandungan di dalam perjanjian Dalam Operasi Gelap (D.O.G). Sebaliknya, Sabar menyatakan bahawa dia hanya menandatangai tetapi tidak membaca perjanjian kerana suasana di dalam bilik tersebut suram. Oleh itu, Buang telah menjelaskan perjanjian tersebut dilakukan dalam keadaan bilik suram kerana operasi tersebut perlu dilakukan dalam gelap supaya ahli dapat selalu berlatih dan tangkas dalam gelap. Tambah Buang lagi, alasan mengapa Dalam Operasi Gelap (D.O.G) itu diwujudkan kerana mereka beroperasi dalam gelap. Selain itu, Sabar telah beranggapan bahawa perjanjian yang dilakukannya itu merupakan pertama dan terakhir. Namun, sangkaan Sabar adalah salah kerana Buang telah menjelaskan bahawa perjanjian tersebut adalah perjanjian sehingga mati. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

BUANG: Belum ada sesiapa yang keluar dari D.O.G dengan selamat? Apa kau tanda tangan perjanjian?

(SABAR mengangguk-angguk. Suasana beransur suram. Bunyi guruh berdentum dan kilat memancar. SABAR memandang sekeliling dengan takut).

BUANG: Ada kau baca?

(SABAR mengeleng-geleng)

SABAR: Perjanjian di dalam bilik suram, saya tak nampak apa-apa.

BUANG: Sebab itulah kita dipanggil D.O.G. Kita operasi dalam gelap. Kau mesti selalu berlatih. Banyakkan keluar kawasan.

SABAR: Tapi ini yang pertama dan terakhir

(BUANG menghampiri SABAR).

BUANG (menundung jari): Perjanjian jelas sampai mati.

(Roziah Adama, 2015: 72-73)

Babak tiga pula memaparkan watak Sabar yang telah menceritakan kepada Buang bahawa dia merupakan anak pungut kerana menurut emak angkatnya dia telah dijumpai di tepi longkang ketika hujan lebat. Oleh itu, Sabar sanggup berkorban untuk membantu ayahnya melangsangkan hutang dengan Bos. Walau bagaimanapun, Buang sering menyindir status Sabar sebagai anak pungut. Namun begitu, Sabar tetap sabar mempertahankan diri dan kedua ibu bapanya. Sabar menyatakan bahawa dia sangguo berkorban demi ayahnya kerana itu

merupakan kewajipannya sebagai seorang anak. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

SABAR: *Emak kata saya dijumpai di tepi longkang dalam hujan lebat.*

BUANG: *Oh, kau anak buangan? Syukurlah kau masih bernafas, tak jadi sampah.*

SABAR: *Ya, tak dibaham anjing.*

BUANG: *Oh, sebab tu kau sanggup berkorban? Balas budi?*

(SABAR mundar-mandir. Kemudian duduk dan mengipas-
ngipas tangan mengelak nyamuk).

(Roziah Adama, 2015: 74)

Pada babak ini juga, memaparkan watak Buang telah menceritakan kisah silamnya kepada Sabar. Buang menceritakan kepada Sabar bahawa dia merupakan anak yatim piatu. Buang telah menjadi yatim piatu seawal usianya 7 tahun. Dalam hal ini, menurut cerita Buang kepada Sabar, Buang telah dituduh membunuh kedua ibu bapanya oleh orang kampung. Kejadian ini berlaku disebabkan pada waktu kecil, Buang suka bermain api sehingga satu hari Buang telah membakar tilam. Apabila api semakin membesar, Buang telah berlari untuk keluar rumah. Sebagai akibatnya, ibu bapa Buang telah mati terbakar semasa tidur termasuklah adiknya yang kecil. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

BUANG (marah): *Kau fikir semua orang yang tak ada ibu bapa itu, anak buangan?*

SABAR (takut): *Tak, maksud saya.*

(Mereka senyap seketika).

BUANG: *Orang tuaku mati masa kau umur tujuh tahun. Orang kampong kata aku pembunuh.*

SABAR (ingin tahu): *Anak sekecil itu dituduh pembunuh? Kenapa?*

BUANG: *Aku suka main api, satu hari aku bakar tilam. Apabila api makin besar, aku lari keluar rumah. Ibu bapa aku mati terbakar semasa tidur, termasuklah adik kecil aku juga (ada kekesalan).*

(Roziah Adama, 2015: 74)

Seterusnya, dalam babak ini memaparkan watak Sabar yang telah menerima sebahagian wang daripada Buang. Sabar yang pertama kali bekerja teruja apabila menerima sejumlah wang yang begitu banyak. Kemudian, Buang telah mengeluarkan secebis kertas yang berlipat dan membacanya. Kandungan di dalam kertas yang berlipat itu ialah “Buang, hapuskan tanpa kesan, cara terpulang”. Oleh itu, arahan tersebut telah disambut oleh Sabar. Sabar dikehendaki oleh Buang untuk membuang barang tersebut ke dalam sungai belakang hutan kerana dokumen paling cepat hancur kalau terkena air. Tambah Buang lagi, cara itu merupakan paling senang untuk dilakukan tetapi berkesan. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

BUANG: *Ini bahagian kau* (meletakkan sejumlah wang di tangan SABAR).

(SABAR teruja, dia mengira-ngira wang itu).

SABAR (bercakap sendiri): *Banyaknya, kerja pertama kali sebanyak ini?*

(BUANG mengeluarkan secebis kertas yang berlipat).

BUANG (membaca): “*Buang, hapsukan tanpa kesan, cara terpulang.*” (cepat-cepat memasukkan wang ke dalam poket dan berjalan ke arah beg).

BUANG: Kau buang dalam sungai belakang hutan ni. Dokumen cepat hancur kalau terkena air. Cara paling senang tapi berkesan.

(Roziah Adama, 2015: 62)

Babak selanjutnya ialah memaparkan watak Sabar yang telah menerima arahan Buang untuk membuang beg. Namun, ketika Sabar menyentuh beg tersebut, Sabar mendapati bahawa beg tersebut bergerak. Wajah Sabar terus bertukar menjadi pucat, dengan wajah yang bengis Buang telah menuju ke arah Sabar. Buang pada ketika itu berasa amat marah, namun dia cuba menahan marahnya. Kemudian, Buang pula telah mengambil beg tersebut tetapi Buang juga menarik tangannya dengan cepat. Buang dan Sabar saling berpandangan sesama sendiri. Berkaitan dengan perkara itu, Sabar telah menyatakan bahawa berkemungkinan kandungan di dalam beg itu itu berkemungkinan kucing atau ular sawa. Namun, Buang menegaskan tidak mungkin orang mengupah mereka beribu ringgit hanya untuk membuang kucing. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

BUANG: Buang sebelum hujan lebat!

(SABAR cepat-cepat menuju ke arah beg. SABAR menyentuh beg tetapi menarik tangan dengan cepat).

SABAR (terkejut): Allahu Akbar! Apa ni? (SABAR berundur, wajahnya pucat).

BUANG: Hei, kau ni kan memang nak kena! (menuju ke arah SABAR dengan wajah bengis):

SABAR: Bang, beg tu bergerak.

BUANG (menahan marah): Kau ni memang jantan penakut! Takut tak bertempat.

(BUANG cuba mengambil beg tetapi menarik tangannya cepat-cepat. Mereka saling berpandingan).

SABAR (panik): Abang pernah diupah buang kucing?

BUANG: Kau ingat aku apa? Kau ingat orang ada orang upah ribu ringgit untuk buang kucing? Pergi buka beg tu!

SABAR: Kalau ular sawa?

(Roziah Adama, 2015: 63)

Pada babak ini juga, memaparkan watak Sabar yang dikehendaki oleh Buang untuk membuka beg tersebut. Dengan perasaan yang takut, Sabar telah menghampiri beg dan menarik zip beg tersebut sambil memandang ke dalam beg. Dengan perasaan terkejut, Sabar telah berundur dan hampir memeluk Buang tetapi ditolak. Perkara ini telah menyebabkan Buang berasa begitu marah. Namun, Sabar dengan nada yang tinggi telah mempersoalkan kegiatan Buang yang selama ini begitu kejam dan keji kerana membuang bayi. Sebaliknya, Buang menyatakan kepada Sabar bahawa dia tidak langsung tahu menahu mengenai perkara ini. Buang juga telah bertindak kasar terhadap Sabar dengan menunjuk penumbuk serta memegang bajunya. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

(SABAR dengan takut menghampiri beg dan menarik zip beg sambil memandang ke dalam beg).

SABAR (terkejut): Ya Allah bang! Ya Allah! (SABAR berundur dan hampir memeluk BUANG tetapi ditolak).

BUANG: Hei, Hei! Perangai kau ni memang buat aku hilang sabar la!

(BUANG menghampiri beg dan memandang ke dalam. Dia tergamam. Perlahan-lahan berundur).

SABAR (suara meninggi): Saya tak sangka abang lebih kejam, keji! Selama ni abang buang ... (sebak). Apakah dosa ... (menunjuk ke arah beg).

(BUANG menuju ke arah SABAR. Dia memegang baju SABAR dan mengangkat penumbuk).

BUANG: Mulut jangan cakap lepas! Aku tak tahu fasal benda ni!

(Roziah Adama, 2015: 63)

Pada babak empat, memaparkan watak Buang yang tidak mempedulikan langsung soal bernyawa atau tidak kerana kerja mereka hanya membuang. Namun, Sabar ingin mempertahankan nyawa bayi tersebut dengan mempedulikan nyawanya, malah Sabar juga telah memberanikan diri untuk mencabar Buang. Sabar dengan berani telah memasang kuda-kuda seolah-olah bersedia untuk menerima serangan daripada Buang. Kemudian, Buang telah bersedia menyerang dengan melepaskan tumbukan dan Sabar telah dapat menangkisnya. Namun, serangan tumbukan kedua daripada Buang telah mengena Sabar dan menyebabkan Sabar telah terpelanting jatuh. Sabar bingkas bangun dan terus bergelut dengan Buang. Namun, pergelutan mereka terhenti apabila terdengar suara tangisan bayi. Kemudian, Sabar telah merayu kepada Buang untuk mengasihani bayi tersebut. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

BUANG: Hei, siapa peduli tentang nyawa? Kerja kita buang, bernyawa atau tidak itu bukan kerja kita!

SABAR: Saya peduli! Tergamak abang?

BUANG (berpura-pura berani): Kau takut sangat? Biar aku buang.

SABAR (mendepakan tangan): Abang langkah mayat saya dulu!

BUANG: Kau cabar aku? Berani?

SABAR: Saya juga tak perlukan ni (mengeluarkan wang dari poket, membuang ke tanah).

(SABAR memasang kuda-kuda seolah-olah bersedia menerima serangan. BUANG bersedia menyerang. SABAR menangkis tumbukan pertama BUANG tetapi tumbukan kedua BUANG mengena menyebabkan SABAR terpelanting jatuh, SABAR bingkas bangun, mereka bergelut. Tiba-tiba kedengaran suara bayi menangis. Mereka berpandangan).

SABAR (merayu): Bang, bayi tu mesti lapar. Mungkin bayi ni tidur tadi. Kasihan bayi tu bang. Gelap, nyamuk, hujan ni bang!

(Roziah Adama, 2015: 64)

Pada babak kelima, memaparkan watak Sabar yang telah berusaha memujuk Buang supaya dia tidak membuang bayi itu, malah menyelamatkannya. Pada mulanya, Sabar telah memberi idea untuk meletakkan bayi tersebut di masjid. Namun, Buang menyatakan bagaimana sekiranya orang masjid melihat mereka. Sabar mencadangkan pula untuk letak di dalam bonet kereta orang masjid, Namun, Buang menyatakan bahawa kadang-kadang terdapat

anjing sesat yang akan masuk ke dalam pagar masjid. Kemudian, Sabar memberikan ideanya lagi iaitu meninggalkan bayi tersebut di depan klinik 24 jam. Namun, menurut Buang di depan klinik terdapat CCTV dan berkemungkinan mereka tidak akan terlepas. Akhirnya, Sabar muncul dengan idea yang terakhir iaitu dia mahu membalik bayi tersebut dan diberikan kepada emaknya. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

SABAR: *Abang, apa kita tidak ada cara lain? Bang saya ada idea, apa kata kita letak bayi ni di masjid.*

BUANG: *Macam mana kalau orang masjid nampak kita? Nanti kita pulak dituduh buang anak.*

SABAR: *Macam ni bang, kita letak dalam bonet kereta orang masjid.*

BUANG: *Kau ni ada otak ke tak? Kadang-kadang ada anjing sesat masuk pagar masjid.*

SABAR: *Bang kita letak bayi ni depan klinik 24 jam. Mana tau ada doktor yang jumpa.*

BUANG: *Kalau klinik tu ada CCTV? Kau ingat kita boleh lepas?*

(SABAR kerasahan).

SABAR: *Bang, satu cara bang tapi abang mesti tolong saya.*

BUANG: *Apa dia?*

SABAR: *Saya bawa balik bayi ni. Mak saya mesti suka bang.*

(Roziah Adama, 2015: 65)

Seterusnya, pada babak keenaman telah memaparkan konflik yang berlaku antara Buang dan Sabar. Sabar masih terus menerus memujuk Buang supaya menyelamatkan bayi tersebut. Namun, Buang berasa serba salah kerana tidak mempunyai cara untuk menyelamatkan bayi tersebut kecuali dengan meninggalkannya di dalam hutan. Tindakan Buang itu telah menyebabkan Sabar begitu marah serta terus menyerang Buang. Sabar kemudian telah menolak bahu Buang sehingga Buang telah menumbuknya hingga beberapa kali. Sabar langsung tidak melawan dan membiarkan dirinya terus berada dalam kesakitan. Butang baju Sabar juga tertanggal sehingga menyebabkan bajunya terdedah. Namun, Buang masih berkeras serta terus menerus menyuruh Sabar pergi meninggalkan bayi itu. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam dialog di bawah:

(BUANG memandang SABAR).

BUANG (serba salah): *Kita tinggalkan dia di sini.*

SABAR (separuh menjerit): *Tidak! Jangan bang! Itu lebih binatang daripada binatang!*

(SABAR berlari ke arah BUANG dan menolak bahu BUANG. BUANG memandang SABAR seketika kemudian menumbuk SABAR beberapa kali. SABAR tidak melawan membiarkan dirinya dipukul tetapi dalam kesakitan. Butang baju SABAR menyebabkan bajunya terbuka).

BUANG: *Pergi! Pergi balik!*

SABAR: *Tidak!*

(Roziah Adama, 2015: 65)

Akhirnya, babak ini diakhiri dengan watak Buang yang telah menyelamatkan bayi tersebut. Buang pada mulanya merupakan seorang yang panas baran, kuat marah dan kaki pukul kerana sering memukul dan menumbuk Sabar sehingga terkulai. Akhirnya, dapat berfikir secara baik dan waras untuk menyelamatkan bayi tersebut. Sekeras-keras hatinya itu telah

timbul rasa perikemanusiaan di dalam diri Buang yang telah sanggup berlari ke arah beg itu demi melindungi beg dengan kedua-dua tangannya dan kemudian menanggalkan baju bagi melindungi beg tersebut. Ini merupakan satu pengorbanan yang berjaya dilakukan oleh seorang lelaki yang pada asalnya tidak menghiraukan langsung soal nyawa atau tidak. Oleh itu, sejahat atau seteruk mana diri seseorang manusia itu sebenarnya mereka masih berpeluang untuk memperbaiki diri mereka sebelum semuanya terlambat. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

(BUANG menumbuk lagi menyebabkan SABAR terkulai.

BUANG mengambil wang dan memasukkan ke dalam poket seluar SABAR. Dia menolak SABAR keluar tetapi SABAR masuk semula, BUANG menahan lagi dan menolak keluar dengan kuat). (Tiba-tiba hujan. BUANG mengesat muka dan lengan, memandang beg seketika).

BUANG (menjerit): *Argh... aku tak nampak apa-apa dan tak tahu apa-apa!*

(BUANG keluar. Guruh berdentum. Suasana semakin suram, kedengaran tangisan bayi).

(Seketika kemudian, BUANG kembali berlari ke arah beg. Dia memerhati beg kemudian memandang ke langit. BUANG cepat-cepat melindungi beg dengan kedua-dua tangan, kemudian menanggalkan baju untuk melindungi beg.

(Roziah Adama, 2015: 66)

Jelaslah di sini, didapati bahawa hasil daripada penganalisisan elemen drama berdasarkan Aristotle iaitu tema terdapat dalam skrip drama *Buang*. Roziah Adama banyak mengangkat tema berdasarkan isu sosial masyarakat yang berlaku di sekelilingnya serta berlaku pada ketika itu. Di samping itu, berdasarkan elemen plot secara keseluruhan skrip drama *Buang* ini jelas memperlihatkan Roziah Adama telah menggunakan plot kronologi. Plot kronologi ini merupakan plot yang disusun secara berturutan.

4.3 Watak dan Perwatakan

Watak adalah sesuatu objek atau pelaku yang berperanan untuk menghidupkan jalan cerita. Menurut Aristotle (1973), Watak boleh terdiri daripada manusia atau bukan manusia seperti binatang atau benda. Watak terdiri daripada beberapa jenis antaranya adalah watak utama, watak sampingan, watak protagonis dan watak antagonis. Dalam drama *Buang*, Roziah Adama hanya menggunakan watak yang minimum untuk menghidupkan jalan ceritanya. Roziah Adama telah menampilkan dua watak sahaja iaitu watak Buang dan watak Sabar. Menariknya, dalam drama *Buang* ini kedua-dua watak ini saling terlihat seperti memegang watak utama kerana masing-masing tampil dengan pelbagai perwatakan, masalah dan peranan yang penting. Watak Buang dikenali sebagai watak yang antagonis, manakala watak Sabar pula dikenali sebagai watak yang protagonis.

Watak protagonis merupakan watak yang terpenting bagi menghidupkan sesebuah drama. Watak ini dikenali sebagai watak putih kerana watak tersebut mempunyai perwatakan yang baik serta menjadi idola kepada pembaca dan pendengar. Menurut Robert Lindell (1969), watak protagonis bermaksud watak yang baik atau dikenali juga sebagai watak putih kerana watak ini berpegang kepada kebenaran. Watak protagonis yang terdapat dalam skrip drama *Buang* ialah watak Sabar. Berikut merupakan contoh petikan dalam skrip di bawah:

SABAR: Oooh ... dalam kotak itu? Kenapa abang tak cakap dari tadi? Dah lewat malam ni, saya nak balik awal (merungut). Kenapa tak cakap? Mak saya mesti risau.

(Roziah Adama, 2015: 62)

Berdasarkan petikan dialog di atas, jelas memaparkan watak Sabar sebagai seorang yang taat kepada emaknya. Sememangnya, Sabar tidak sabar untuk pulang awal kerana dia tidak mahu emaknya risau tentang keadaannya. Lebih-lebih lagi, suasana pada ketika itu ialah lewat malam, malah Sabar juga telah merungut terhadap Buang kerana tidak memberitahu dengan awal tentang keberadaan barang itu berada. Walaupun, Sabar hanya merupakan anak angkat, namun Sabar tetap menghormati dan mentaati emaknya. Oleh itu, anak-anak sentiasa dituntut agar berbuat baik kepada ibu bapa dan tuntutan tersebut adalah suatu kewajipan yang perlu ditunaikan.

Watak antagonis ini sudah semestinya mempunyai perwatakan yang jahat serta dibenci oleh pembaca dan pendengar. Watak antagonis juga dikenali sebagai watak hitam. Menurut Robert Lindell (1969), watak antagonis merupakan watak, sekumpulan watak yang dikenali sebagai institusi suatu kejadian yang mewakili pembangkang menentang hujah-hujah watak antagonis. Watak antagonis ini sudah semestinya mempunyai perwatakan yang jahat serta dibenci oleh pembaca dan pendengar. Watak antagonis yang terdapat dalam drama *Buang* ialah watak Buang. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

BUANG, lelaki lingkungan umur 30-an, bertubuh rendah tetapi sasa, berwajah bengis dan tidak senyum. Anak yatim piatu. Memakai baju kemeja pendek berwarna hitam. Buang memakai topi yang diturunkan untuk menutupi sebahagian wajahnya. Ahli lama kumpulan Dalam Operasi Gelap (D.O.G).

(Roziah Adama, 2015: 71)

Berdasarkan petikan dialog di atas, jelas memaparkan watak Buang sebagai watak yang antagonis. Hal ini kerana, Buang kelihatan berwajah bengis serta tidak pernah senyum, malah Buang kelihatan begitu misteri apabila topi yang dipakainya telah menutupi sebahagian wajahnya. Buang merupakan lelaki yang berada dalam lingkungan usia 30-an yang bertubuh rendah tetapi sasa. Buang telah menjadi anak yatim piatu seawal usia 7 tahun. Penampilan Buang ialah memakai baju kemeja pendek berwarna hitam. Buang merupakan ahli kumpulan yang paling lama Dalam Operasi Gelap (D.O.G).

4.4 Bahasa

Bahasa berfungsi untuk menyampaikan tema dan idea-idea lakonan di samping mengekalkan taraf kepercayaan penonton kepada isu yang dibentangkan. Menurut Aristotles (1973), bahasa ialah kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dalam drama. Bahasa juga berfungsi sebagai alat komunikasi yang penting selain daripada pergerakan watak. Ia bertindak sebagai penyampai sesuatu pemikiran yang terkandung dalam sebuah drama iaitu melalui pengucapan watak-wataknya. Dalam elemen bahasa, terdapat pelbagai gaya bahasa digunakan mengikut kesesuaian binaan ayat. Gaya bahasa merupakan susunan kata yang digunakan oleh pengarang dalam usaha untuk mengungkapkan tema dan persoalan dalam karya. Antara contoh gaya bahasa ialah anafora, analogi, diksi dan pelbagai lagi. Penggunaan gaya bahasa ini adalah dengan mengikut jenis kesesuaian dan fungsinya. Melalui skrip drama *Buang* dapat diteliti gaya bahasa yang digunakan di dalam drama *Buang* ialah sinkof. Sinkof merujuk kepada pemendekan atau penyingkatan sesuatu perkataan. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

BUANG: Oh, kau anak buangan? Syukurlah kau masih bernafas, tak jadi sampah.

SABAR: Ya, tak dibaham anjing.

(Roziah Adama, 2015: 74)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan penggunaan sinkof pada perkataan kau dan tak. Kau perkataan asalnya ialah engkau, manakala tak perkataan asalnya ialah tidak. Oleh itu, penggunaan sinkof adalah bertujuan untuk meringkaskan sesuatu perkataan tetapi masih memberikan makna yang s Seterusnya, melalui skrip drama *Buang* dapat diteliti gaya bahasa yang digunakan di dalam drama *Buang* ialah perlambangan. Perlambangan merujuk kepada perihal atau perbuatan memberi lambang kepada sesuatu. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah:

BUANG: Oh, kau anak buangan? Syukurlah kau masih bernafas, tak jadi sampah.

(Roziah Adama, 2015: 74)

Berdasarkan petikan di atas, dapat diteliti gaya bahasa yang digunakan dalam drama *Buang* ialah perlambangan. Perlambangan yang dapat dilihat ialah sampah. Perkataan sampah ini menjadi perlambangan terhadap sikap manusia yang teruk.

Selain itu, melalui skrip drama *Buang* dapat diteliti gaya bahasa yang digunakan di dalam drama *Buang* ialah simpulan bahasa. Simpulan bahasa bermaksud kata-kata ringkas atau rangkaian perkataan dirumuskan dalam susunan tertentu yang membawa maksud tertentu. Maksudnya didapati daripada tersurat atau nyata. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat di bawah:

SABAR: Emak kata saya dijumpai di tepi longkang dalam hujan lebat.

BUANG: Oh, kau anak buangan? Syukurlah kau masih bernafas, tak jadi sampah.

SABAR: Ya, tak dibaham anjing.

BUANG: Oh, sebab tu kau sanggup berkorban? Balas budi?

(SABAR mundar-mandir. Kemudian duduk dan mengipas-ngipas angin mengelak nyamuk).

SABAR: Itu kewajipan saya sebagai anak.

BUANG: Anak? Anak pungut?

(Roziah Adama, 2015: 74)

Berdasarkan petikan di atas, dapat diteliti gaya bahasa yang digunakan dalam drama *Buang* ialah simpulan bahasa. Simpulan bahasa yang dapat dilihat ialah melalui istilah anak pungut yang telah dinyatakan oleh *Buang*. Hal ini kerana, *Sabar* memberitahu kepada *Buang* bahawa dirinya telah dijumpai di tepi longkang oleh ibu angkatnya. Anak pungut memberi maksud anak yang lahir daripada kedua ibu bapa yang lain tetapi telah dijaga oleh ahli keluarga yang lain juga. Penggunaan simpulan bahasa ini bertujuan untuk menyampaikan sesuatu dengan menggunakan bahasa yang diistilahkan sebagai bahasa yang berlapik dan berkias.

4.5 Kekaguman

Dalam sesebuah skrip drama atau pementasan drama tersebut, unsur kekaguman akan menjadi bantuan kepada pelakon di atas dalam menghayati lakonan watak mereka. Menurut Aristotle (1973), kekaguman merupakan satu elemen yang menggabungkan nilai artistik dalam suatu persembahan. Unsurnya dapat dilihat melalui kostum, dan kesan khas seperti bunyi muzik yang diwujudkan bagi menimbulkan kesan yang lebih dramatik dalam cerita.

Melalui skrip drama *Buang* dapat diteliti elemen kekaguman yang terdapat dalam drama Buang ialah kostum. Kostum yang diperolehi adalah berdasarkan kostum watak Buang dan Sabar, Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat dalam skrip di bawah ialah:

BUANG, lelaki lingkungan umur 30-an, bertubuh rendah tetapi sasa, berwajah bengis dan tidak senyum. Anak yatim piatu. Memakai baju kemeja pendek berwarna hitam. Buang memakai topi yang diturunkan untuk menutupi sebahagian wajahnya. Ahli lama kumpulan Dalam Operasi Gelap (D.O.G).

SABAR, lelaki awal 20-an, bertubuh kurus dan tinggi, anak angkat, terjebak dengan hutang ayahnya kepada Bos. Memakai kemeja hitam berlengan panjang, ahli baru kumpulan Dalam Operasi Gelap (D.O.G).

(Roziah Adama, 2015: 61)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menggambarkan kostum dan penampilan terhadap kedua-dua watak. Kostum yang dikenakan oleh Buang ialah memakai baju kemeja pendek dan berwarna hitam serta memakai topi yang diturunkan untuk menutupi sebahagian wajahnya. Penampilan Buang ialah lelaki yang berusia lingkungan 30-an, bertubuh rendah tetapi sasa serta berwajah bengis dan tidak pernah senyum. Kostum yang dikenakan oleh Sabar pula ialah kemeja hitam berlengan panjang. Penampilan Sabar ialah sebagai lelaki yang berusia lingkungan 20-an, bertubuh kurus dan tinggi.

Seterusnya, melalui skrip drama *Buang* dapat diteliti elemen kekaguman yang terdapat dalam drama Buang ialah pencahayaan. Pencahayaan bermaksud peralatan pencahayaan. Pencahayaan juga berfungsi untuk menerangi panggung supaya sebuah pementasan itu dilihat sempurna dan teliti. Hal ini kerana, tanpa pencahayaan pementasan tidak akan kelihatan dalam mood dan suasana yang sebenar. Berikut merupakan contoh petikan yang terdapat di bawah:

(Malam) (Di pinggir hutan berhampiran anak sungai). (Pentas dibuka dengan suasana di tepi hutan, cahaya bulan suram menyinari kawasan hutan. Bunyi sungai mengalir sentiasa kedengaran. Sekali sekala guruh berdentum dan kilat memancar. Di sebelah kiri terdapat longgokan sampah, payung yang terbuka tapi koyak sebahagiannya, sebuah kotak agak besar dan sebuah tong dram plastik separas pinggang. Dahan dan kayu kering bertaburan di sana sini. Di sebelah kanan terdapat semak samun dan sebatang pokok kering. Di balik pokok, BUANG duduk. Masuk SABAR dengan wajah ketakutan dan bimbang. Dia seperti mencari-cari sesuatu).

(Roziah Adama, 2015: 71)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan jenis pencahayaan yang digunakan di dalam drama *Buang* ialah cahaya bulan suram. Pencahayaan digunakan untuk menimbulkan suasana yang suspensi dan mendebaran. Selain itu, pencahayaan digunakan supaya sesuatu suasana yang timbul itu dapat dirasai sekali oleh penonton dan pembaca. Jika situasi tersebut adalah menakutkan, pencahayaan yang suram dan kelam akan digunakan.

Di samping itu, melalui skrip drama *Buang* dapat diteliti elemen kekaguman yang terdapat dalam drama *Buang* ialah kesan khas. Kesan khas bermaksud penekanan kesan bunyi dalam drama *scene* akan memberikan gambaran drama tersebut lebih memberikan kesan balik kepada ekspresi daripada penonton. Berikut merupakan contoh petikan drama yang terdapat di bawah:

(*SABAR memasang kuda-kuda seolah-olah bersedia menerima serangan. BUANG bersedia menyerang. SABAR menangkis tumbukan pertama BUANG tetapi tumbukan kedua BUANG mengena menyebabkan SABAR terpelanting jatuh, SABAR bingkas bangun, mereka bergelut. Tiba-tiba kedengaran suara bayi menangis. Mereka berpandangan.*)

(Roziah Adama, 2015: 64)

Berdasarkan petikan di atas, telah menunjukkan kesan khas yang digunakan di dalam skrip drama Buang ialah bunyi bayi menangis. Bunyi bayi menangis akan menghasilkan bunyi yang begitu nyaring dan kuat. Hal ini kerana, ketika Sabar dan Buang sedang bergelut secara tiba-tiba bayi tersebut menangis dan menyebabkan Sabar dan Buang berasa tergamam dan suspensi sehingga menyebabkan mereka berpandangan dan berhenti bergelut. Oleh itu, bunyi tersebut akan menimbulkan perasaan tanda tanya serta merasa risau dan takut kerana pelbagai andaian yang akan timbul di dalam fikiran.

5. Rumusan

Dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat lima unsur yang diperolehi dari skrip drama *Buang* adalah tema, plot, watak dan perwatakan, bahasa serta kekaguman. Tema yang terdapat dalam skrip drama *Buang* adalah tema perikemanusiaan, pengorbanan dan kekejaman. Selain itu, Roziah Adama hanya menampilkan dua watak sahaja iaitu watak Buang dan watak Sabar. Watak Buang dikenali sebagai watak yang antagonis, manakala watak Sabar pula dikenali sebagai watak yang protagonis. Seterusnya, berdasarkan analisis elemen bahasa pula ialah terdiri daripada gaya bahasa iaitu perlambangan, sinkof dan simbulan bahasa. Bahasa kasar juga digunakan dalam menganalisis skrip drama *Buang*. Di samping itu, dalam elemen kekaguman antara unsur yang dapat dilihat adalah pencahayaan, kostum, dan kesan khas yang diwujudkan bagi menimbulkan kesan yang lebih dramatik dalam cerita. Kesimpulannya, penulisan skrip drama yang dihasilkan oleh Roziah Adama adalah menepati keperluan struktur dramatik sebuah skrip berdasarkan Aristotles.

Rujukan

- Aristotle. (1973). *The Poetics*. London: William Heinemann Ltd.
- Abdul Rahman Hanapiyah. (1987). *Drama Moden Malaysia Perkembangan dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zaidi Baharuddin. (2010). *Persoalan dan Pemikiran Hatta Azad Khan dalam Teks Drama Patung-Patung dari Perspektif teori Persuratan Baru*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Endraswara. (2003). Metodologi Penelitian Sastra. Yogyakarta: Pustaka Widyatama.
- Fazilah Husin. (2007). *Teater Eksperimental Melayu: Satu Kajian Bentuk dan Struktur Teks Dramatik*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Fatimah Muhsin Shukri & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2016. Ruang, Masa dan Sebab Akibat dalam Naratif Filem Animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2014). *Dinamika Tema dalam Novel Remaja di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hasniza Abdul Halim. (2007). Pengaplikasian Teknologi Multimedia Dalam Teater “Bukan Bunuh Diri”. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/305488/selangor-tertinggi-kes-buang-bayi-dicapai-pada-6-Okttober>

[http://en.wikipedia.org/wiki/Aristotle dicapai pada 29 September](http://en.wikipedia.org/wiki/Aristotle)

[http://dwnsastera.dbp.my/?p=2114 dicapai pada 6 Oktober.](http://dwnsastera.dbp.my/?p=2114)

Imelda Ann & Addley Bromeo Bianus. (2017). *Analisis Struktur Plot dalam Filem Cerek Animasi 3D Pertama di Malaysia*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

Lindell, Robert. (1969). *A Treaties on The Novel*. London: Jonathan Cape.

Mohd Ramli Rahman. (1992). Absurdisme dalam drama Melayu: *Analisis Karya-karya Empat Penulis Kontemporari*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Shaiful Izham. (2007). *Kajian Perwatakan Melalui Ekspresi Gerak: Sebuah Tari Eksperimental*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.

Madzlan Abet. (2016). *Pemikiran Hatta Azad Khan Dalam Teks Drama Muzikal Kampung Baru*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Nor Raihanah Husain. (2007). *Analisa Skrip Terhadap Cerita Wayang Kulit Kelantan Kajian Skrip ‘Jintan Mas’*. Sarawak: Universiti Sarawak Malaysia.

Roziah Adama. (2018). Sivi Roziah Adama. Temu bual melalui emel, ekahani@yahoo.com.my. 7 September.

Said Halim Said Nong. (1988). *Drama Melayu Televisyen Malaysia: Satu Penilaian Perkembangan dan Peranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Solehah Ishak. (1990). *Pengalaman Menonton Teater*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zahir Ahmad. (1997). *Riwayat Kelantan: Satu Pengenalan Naskhah*. Kuala Lumpur: Perbadanan Muzium Negeri.